

**1MDB meterai perjanjian dengan syarikat tenaga China bernilai RM9.83 bilion**  
**Malaysian Insider**  
**Nov 23, 2015**

1Malaysia Development Berhad (1MDB), Edra Tenaga Global Berhad dan anak syarikatnya memeterai perjanjian jual beli saham bernilai RM9.83 bilion dengan China General Nuclear Power Corp (CGN Group) hari ini.

Jualan itu membabitkan pemilikan 1MDB dalam semua aset tenaganya – Edra Solar Sdn Bhd, Edra Energy Sdn Bhd, Powertek Energy Sdn Bhd, Jimah Teknik Sdn Bhd, Jimah O&M Sdn Bhd, Mastika Lagenda Sdn Bhd dan Tiara Tanah Sdn Bhd.

Syarikat tenaga China itu akan membayar secara tunai, nilai ekuiti sebanyak RM9.83 bilion dan akan menanggung semua hutang dan aset tunai syarikat tenaga itu, berdasarkan tarikh penilaian pada 31 Mac lepas.

Urus niaga itu dijangka siap pada Februari 2016.

Jualan ini adalah urus niaga terbesar yang diumumkan di Malaysia dan salah satu yang terbesar dalam sektor tenaga Asia tahun ini.

"Kami gembira mengumumkan kejayaan ini penting kepada proses pengewangan Edra. CGN Group memenangi tender antarabangsa ini, berdasarkan objektif yang diumumkan 1MDB sebelum ini, iaitu memaksimumkan nilai, terma perdagangan yang boleh diterima dan kepastian pelaksanaan transaksi.

"Pembelian CGN Group membawa komitmen pelaburan langsung asing yang besar ke Malaysia dan merupakan satu keyakinan terhadap ekonomi Malaysia," kata Presiden dan Pengarah Eksekutif 1MDB Arul Kanda Kandasamy.

Reuters sebelum ini melaporkan, perjanjian jual beli saham antara kedua-dua syarikat itu disenaraikan dalam sesi menandatangani perjanjian pada sidang media bersama yang diadakan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Perdana Menteri China Li Keqiang hari ini.

Sumber memberitahu Reuters minggu lalu, 1MDB hampir membuat penjualan aset kuasanya untuk konsortium luar negara termasuk sebuah syarikat China, sekali gus menjadikan ia sebagai langkah utama syarikat pelaburan negara itu untuk mengurangkan beban hutangnya.

"Kami amat kagum dengan kawal selia yang begitu baik, stabil dan rangka kerja pengeluar tenaga bebas telus di Malaysia, yang memberikan kita keyakinan untuk membuat pelaburan jangka panjang kepada negara.

"Kami akan memastikan bekalan kuasa tanpa gangguan, dengan menggunakan teknologi mesra alam dan mematuhi syarat-syarat tetap perjanjian pembelian tenaga masing-masing, untuk manfaat rakyat Malaysia," kata pengerusi lembaga CGN Group

He Yu. – 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/1mdb-meterai-perjanjian-dengan-syarikat-tenaga-china-bernilai-rm9.83-bilion>